## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 17 MEI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MEDAN KERAJAAN MENDENGAR KELUHAN RAKYAT, TERENGGANU, HARAKAH -H23<br>PELUANG BANGUNKAN 1,800 HEKTAR BAKI PADANG RAGUT, HARAKAH -H23 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6. | NELAYAN BALIK CANDAT SOTONG DIKHUATIRI LEMAS, LOKAL, HM -8<br>3 BOT CABUT LARI MASUK LAUT INDONESIA, LOKAL, HM -4<br>EMPAT BOT NELAYAN VIETNAM CURI HASIL LAUT NEGARA, NASIONAL, BH -21<br>21 NELAYAN VIETNAM CURI DUA TAN HASIL LAUT DITAHAN, NEGERI TERENGGANU, SH -28 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | RUNTUHAN BAN MADA JEJAS 13,350 HEKTAR SAWAH PADI, UTARA, HARAKAH -16 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27.<br>28.<br>29.<br>30.<br>31.<br>32.<br>33. | PENIAGA AKUI HARGA BARANG MELONJAK SELEPAS RAYA, NASIONAL, BH -22<br>KUCING POPULAR DI TIKTOK MATI DIPERCAYAI KENA RACUN, NASIONAL, BH -22<br>61 KILANG BERAS DIPANTAU, NEGERI KEDAH, SH -27<br>TARIK SUBSIDI JIKA JUAL BENIH PADI TAK SAH, NASIONAL, BH -14<br>61 PENGILANG BERAS DIBERI AMARAN, LOKAL, HM -20<br>TARIK SUBSIDI JIKA JUAL BENIH PADI TAK SAH, BH -ONLINE<br>MALAYSIA BELUM TERLAMBAT, MUKA DEPAN, SH -1<br>KRISIS BERLARUTAN BAKAL JEJASKAN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, SH -2<br>HIDUPAN SEMULA 'BUKU HIJAU', NASIONAL, SH -2<br>UBAH DASAR PERTANIAN NEGARA, NASIONAL, SH -3<br>NEGARA KACAU BILAU APABILA TIADA MAKANAN DALAM TEMPOH TIGA HARI, NASIONAL, SH -3<br>RAJA PERLIS INSPIRASI RAKYAT TEROKAI PERTANIAN MODEN, DALAM NEGERI, UM -35<br>NGO DESAK SPRM, PDRM, BADAN AUDIT SIASAT ISU DAGING IMPORT, DALAM NEGERI, UM -11<br>ISU DAGING IMPORT: TFI PERNAH DIGANTUNG PADA 2017, DALAM NEGERI, UM -11<br>KUKUHKAN INDUSTRI RUMINAN TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -11<br>SEKATAN INDIA TIDAK JEJAS BEKALAN GANDUM NEGARA, LOKAL, HM -18<br>MENCARI PETANI MODEN, MINDA, HM -14<br>KILANG BAHARU PERKUKUH KEDUDUKAN FARM FRESH, BISNES, BH -26<br>HARGA PRODUK BERASAS GANDUM BAKAL MELONJAK, BISNES, BH -22<br>ANTARA IKLIM DAN SEKURITI MAKANAN, CETUSAN, SH -17<br>KRISIS MAKANAN: SUDAHKAN ANDA BERSEDIA?, SUARA SINAR, SH -16<br>SARAWAK SASAR EKSPORT MAKANAN MENJELANG 2030, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -14<br>PENYU 'MENDARAT' PATAI TANJUNG GEMOK, DALAM NEGERI, UM -42<br>TEPUNG HABIS DI MELAKA, DALAM NEGERI, UM -10<br>KPDNHEP BERI JAMINAN TEPUNG CUKUP, NEGARA, KOSMO -14<br>PENIAGA MULA MENCATU BEKALAN ELAK BEKALAN PUTUS DI KEDAI, NEGARA, KOSMO -14 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | HARAKAH | TERENGGANU | H23 |

Halaqah Veterinar 2022



Merasmikan Halaqah Verterinar pada 12 Mei.

# Medan kerajaan mendengar keluhan rakyat

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**KUALA TERENGGANU:** Halaqah Veterinar 2022 menjadi medan bagi kerajaan mendengar keluhan dan luahan para pengusaha dan penternak di Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan. Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, program ini mempertemukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sama tenaga-tenaga pakar dalam aspek veterinar dengan pengusaha dan penternak.

"Tema hari ini 'Kempen Kesedaran Penyakit Haiwan' dengan kehadiran peserta secara fizikal dan maya seramai 120 orang.

"Fokus perbincangan berkisar kepada topik berkaitan dengan topik-topik penternakan. Kedua, topik berkaitan pemakanan ternakan.

"Ketiga, pembiakan bakaan lembu dan pemanian berhadas dan Keempatnya, pengurusan kambing tenusu.

"Medan seperti ini juga sebenarnya peluang untuk kita mendengar keluhan, luahan daripada pengusaha dan penternak kita, dalam aspek mana kerajaan boleh bantu dan dalam masa sama mencari penyelesaian," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Halaqah Veterinar-Kempen Kesedaran Penyakit haiwan Peringkat Negeri Terengganu 2022, di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), Pulau Wan Man, Kuala Terengganu, 12 Mei lalu.

Menurutnya, sejak daripada dahulu lagi kaedah seumpama ini dilakukan bagi menghubungkan antara para penternak, pengusaha dengan kerajaan.

"Ini menjadi salah satu cara kita bekerja untuk mendapat maklumat langsung daripada 'tangan' atau maklumat terus daripada orang pertama.

"Kemudian kita akan berbincang, bermesyuarat untuk mencari solusi bagi menyelesaikan masalah itu. Kita santuni demi untuk rakyat kita," jelasnya.

*Harakah*, dimaklumkan, setakat ini dalam senarai bancian pihak jabatan terdapat sebanyak 85,000 ekor lembu dan kerbau di negeri ini.

Dr Azman mengesahkan, bagi menampung keperluan bekalan daging di Terengganu ini turut diimport dari negeri-negeri lain atau luar negara.

"Kita dapat sumber bekalan daging itu sama ada yang diimport daripada luar negara atau pun yang dibawa dari negeri lain.

"Kita berusaha meningkatkan aset-aset secara berperingkat. Maknanya, kadar kebergantungan kita kepada sumber luar itu kita kurangkan secara berperingkat demi peringkat.

"Pelan Strategi Pertanian Negeri Terengganu, dalam bab untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri pengeluar makanan dan di antara makanan yang kita fokuskan ialah sumber ini iaitu sumber daripada daging ternakan," ujarnya.

Katanya, setiap kemasukan haiwan-haiwan ternak ke negara ini akan ada prosedur ketat yang perlu dilalui terutama dari segi kuarantin dan kawalan penyakit.

Hadir sama pada majlis itu, Pengarah Jabatan Veterinar Terengganu, Dr Anun Man dan Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian Terengganu, Zulkifli Amin Yusof.



Peserta dan Dr Azman bergambar bersama selepas menerima sijil.



Dr Azman Ibrahim menjawab soalan yang diutarakan wartawan.



Pelancaran Halaqah Veterinar yang disempurnakan oleh Dr Azman Ibrahim.

## Peluang bangunkan 1,800 hektar baki padang ragut

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan Terengganu komited membangunkan 4,000 hektar padang ragut bagi keperluan sektor pertanian negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, masih terdapat 1,800 hektar lagi daripada 4,000 hektar padang ragut yang belum dibangunkan.

Katanya, rakyat di negeri ini masih berpeluang membangunkan tanah-tanah tersebut bagi dijadikan padang ragut penternakan.

Menurutnya, peluang itu masih terbuka luas termasuk kepada para pelabur bagi industri ternakan dan pengeluaran makanan ternakan.

"Kita mempelawalah sama ada kepada rakyat atau pelabur-pelabur untuk memanfaatkan baki tanah rizab padang ragut untuk dibangunkan dengan apa sahaja yang berkaitan dengan industri ternakan dan pengeluaran makanan ternakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Halaqah Veterinar-Kempen Kesedaran Penyakit haiwan Peringkat Negeri Terengganu 2022, di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam (TTI), Pulau Wan Man, Kuala Terengganu, 12 Mei lalu.

Sehubungan itu, katnya kerajaan negeri melalui anak syarikat kerajaan (GLC) telah merancang bagi menubuhkan satu kilang menghasilkan makanan ternakan sendiri.

"Kita telah berbincang untuk menubuhkan satu kilang menghasilkan makanan ternakan sendiri di Bukit Kor, Marang, Terengganu dengan kerjasama GLC serta kosnya sebanyak RM20 juta.

"Sebab, di antara pendekatan kita ialah makanan ternakan kita ini akan menggunakan 80 peratus dari sumber tempatan.

"Kita akan manfaatkan dari sisa isi ron kelapa sawit. Kedua, dari sumber protein ada alternatifnya untuk kita dapat daripada ikan talapia hitam dan kita akan manfaatkan rumput minyak," jelasnya.

Sebenarnya, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi itu, kebergantungan kepada jagung bijian dan kacang soya yang banyak telah meningkatkan dari segi harga makanan ternakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |

# Nelayan balik candat sotong dikhuatiri lemas

**Kuala Terengganu:** Seorang nelayan warga emas dikhuatiri lemas selepas terjatuh ke dalam laut pada kedudukan empat batu nautika Kuala Chendering di sini, semalam.

Mangsa, T Razali Wok, 74, disyaki terjatuh ke dalam laut ketika dalam perjalanan balik ke pangkalan kira-kira jam 5.30 pagi selepas keluar mencandat sotong.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu Kepten Maritim Muhammad Suffi Ramli berkata, operasi mencari diaktifkan sebaik pihaknya menerima maklumat daripada tekong bot berkenaan.

"Mangsa kali terakhir dilihat berada dalam bot ketika dalam perjalanan pulang pada jarak kira-kira empat batu nautika menghala ke jeti.

"Kehilangan mangsa disedari tekong bot ketika mereka sudah menghampiri jeti sebelum segera melaporkan kehilangan berkenaan.

"Usaha mengesan mangsa sedang dilaksanakan membabitkan 85 kekuatan dan aset APMM, Jabatan Perikanan dan nelayan tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 4 |

# 3 bot cabut lari masuk laut Indonesia

**Chukai:** Nelayan Vietnam dikesan menjadikan kawasan sempadan perairan Malaysia-Indonesia sebagai lokasi baharu mencuri hasil laut negara kerana mudah melepaskan diri daripada ditangkap Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Perkara itu terbukti dengan penahanan bot Vietnam bersama 21 nelayan berusia 18 hingga 54 tahun termasuk seorang tekong pada kedudukan 108 batu nautika tenggara dari Kuala Kemaman, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, bot itu ditahan jam 5.30 petang ketika nelayan Vietnam menangkap ikan menggunakan pukat tunda ganding bersama tiga lagi bot nelayan.

"Kesemua empat bot itu dikesan mencuri hasil laut negara ketika kami melakukan rondaan bersepadu Op Pagar Laut, Op Kuda Laut dan Op Iman di sekitar perairan Terengganu.

"Menyedari kehadiran kami, mereka cuba melarikan namun kami berjaya menahan satu bot berkenaan manakala baki bot melarikan diri dengan memasuki perairan Indonesia," katanya ditemui di jeti APMM Kemaman di sini, semalam.

Menurutnya, itu taktik terbaru digunakan nelayan Vietnam yang mana mereka akan merompak hasil negara di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia dan melarikan diri ke negara berkenaan jika menyedari kehadiran pasukan keselamatan.

Mengulas lanjut mengenai tangkapan itu, katanya, semua ditahan tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan bot terbabit turut tidak mempunyai sebarang permit untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

Katanya, selain bot, pihaknya turut merampas 1,000 liter diesel, dua tan ikan pelbagai jenis dan alatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam perairan negara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Empat bot nelayan Vietnam curi hasil laut negara



Rashidilhadi (kiri) menunjukkan sebahagian ikan yang dirampas selepas menahan sebuah bot nelayan Vietnam, petang kelmarin. (Foto Rosli Ilham/BH)

**Chukai:** Nelayan Vietnam dikesan menjadikan kawasan sempadan perairan Malaysia dan Indonesia sebagai lokasi baharu mencuri hasil laut negara kerana mudah melepaskan diri daripada ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia).

Perkara itu terbukti dengan penahanan sebuah bot nelayan Vietnam bersama 21 nelayan termasuk seorang tekong, pada kedudukan 108 batu nautika tenggara dari Kuala Kemaman, petang kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid, berkata bot itu ditahan jam 5.30 petang ketika melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda ganding bersama tiga lagi bot nelayan dari negara sama.

"Semua empat bot itu dikesan mencuri hasil laut negara ketika kami melakukan rondaan bersepadu Op Pagar Laut, Op Kuda Laut dan Op Iman di sekitar perairan negeri Terengganu," katanya ketika ditemui di jeti Maritim Kemaman.

"Menyedari kehadiran kami, kesemua bot terbabit cuba melarikan diri, namun sebuah daripadanya berjaya ditahan, manakala tiga bot lagi berjaya melarikan diri dan memasuki perairan Indonesia," katanya ketika ditemui di jeti Maritim Kemaman.

Beliau berkata, itu adalah taktik terbaharu nelayan asing mencuri hasil laut negara pada kedudukan lima hingga 10 batu berhampiran dengan perairan Indonesia kerana mudah menyelamatkan diri daripada ditahan.

"Kerjasama di antara pihak berkuasa Malaysia dan Vietnam yang memperketatkan kawalan di sempadan perairan dan kawasan pelantar minyak menyebabkan nelayan asing mula menumpukan kawasan selatan Laut China Selatan sebagai lokasi terbaru untuk menjalankan aktiviti haram itu.

"Hasil pemeriksaan kesemua nelayan terbabit yang berusia di antara 18 hingga 54 tahun didapati tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri, manakala bot berkenaan turut tidak mempunyai sebarang permit untuk menangkap ikan di perairan kita," katanya.

Katanya, selain bot, kira-kira 1,000 liter diesel, dua tan ikan pelbagai jenis dan alatan menangkap ikan yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta turut dirampas.

"Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam perairan negara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |

# Peniaga akui harga barang melonjak selepas raya



*Peniaga melayan pelanggan yang membeli pelbagai keperluan ketika tinjauan di Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Aswadi Alias/BH)

## Bahan mentah daripada pembekal mahal tetapi jual ikut harga KPDNHEP

Oleh Awatif Hasani
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peniaga barang keperluan asas mengakui harga naik mendadak selepas sambutan Aidilfitri, berikutan kekurangan stok daripada pembekal.

Tinjauan *BH* di pasar basah Datuk Keramat, di sini, mendapati ramai peniaga mengeluh dengan harga bahan mentah daripada pembekal melonjak tetapi peniaga terpaksa menjual mengikut harga ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Peniaga daging import, Muhamad Zharif Abdul Talib, 30, berkata selepas sambutan Aidilfitri, jualan daging import meningkat sebanyak dua kali.

"Sudah dua kali naik harga lepas hari raya. Kali pertama sebanyak 70 sen dan seterusnya naik pula 60 sen. Awal musim perayaan kami jual RM20 masih dalam kawalan KPDNHEP, tetapi sekarang RM22 sekilo dan mungkin lebih sebab dah buang lemak dan bersih.

"Pembekal bagi harga RM13 sehingga RM15.90 selepas hari raya. Agak susah bagi peniaga untuk menaikkan harga kepada pelanggan dan kami juga takut boleh dikenakan tindakan KPDNHEP," katanya.



*Abdul Talib Razali*

Penjual ayam mentah, Abdul Talib Razali, 56, berkata pembekal juga kekurangan stok ayam yang menyebabkan mereka meletakkan harga ayam tinggi.

"Minggu lalu dua hari tiada stok ayam langsung. Ada juga tempah daripada pembekal sebanyak 200 ekor tapi dapat 50 ekor sahaja dan pembekal terpaksa menaikkan harga lagi.

"Ayam sebelum hari raya daripada pembekal RM8.20. Selepas raya RM8.60 dan kami jual pada harga RM9.30. Hanya untung sebanyak 70 sen sahaja.

"Walaupun ada penjual lain yang menjual dengan harga tinggi seperti RM11 dan ke atas, tetapi saya masih perlu untuk mengikut standard harga yang ditetapkan KPDNHEP, sebab kalau kena denda lagi rugi dan malu," katanya.

Sementara itu, peniaga barang kering, Faeza Baharudin, 54, berkata sayur-sayuran masih dijual dengan harga sama seperti sebelum hari raya.

"Pembekal daun pisang, kalau dulu jual kepada peniaga RM2 sekarang RM2.50. Jadi, kami jual RM3.

"Cili kampung sekarang pembekal bagi RM25 sekilo, kita terpaksa jual RM28,"

"Setakat ini pelanggan faham yang sayur kita naik tak banyak tetapi tetap mahal. Kalau beli banyak kita bagi potongan harga sikit, kena pandai jaga pelanggan walaupun harga naik," katanya.

Bagi peniaga kecil, Husaimah Mudhar, berkata harga barang runcit meningkat selepas hari raya dan sukar mendapatkan stok.

Katanya, tepung gandum dulu RM2.40 daripada pembekal, kini RM3 dan hanya dijual kepada pelanggan RM3.20 mengikut harga yang ditetapkan KPDNHEP."

"Dalam stok kotak besar kami hanya dapat untung RM4 sahaja. Sekotak ada 20 peket tepung gandum,"

"Santan kotak yang dijual di pasar raya besar RM7 lebih, kami peniaga runcit kecil hanya menjual dengan harga RM7 sahaja.

"Berniaga kini perlu banyak bertolak ansur dengan pelanggan. Sedikit sebanyak perlu dihalalkan sahaja dan reda dengan harga ikut KPDNHEP," katanya.

Pekerja bank, Julaily Ramli, 49, berkata beliau terpaksa memasak sendiri di rumah supaya tidak banyak wang dibelanjakan setiap hari.

"Memang selalu kena masak sebab ahli keluarga ramai tak boleh makan luar sebab di luar mahal. Kena masak untuk jimat.

"Seminggu atau dua minggu sekali pasti saya akan beli barang dapur. Memang tidak dapat dinafikan barang semua mahal dan naik," katanya.

# Kucing popular di TikTok mati dipercayai kena racun





*Kematian Yogi dikongsi pemiliknya, Al Farrah Sherrina Zulkifle yang menunjukkan Yogi ditemui kaku bersama seekor kucing berwarna oren di hadapan sebuah rumah.*

**Kuala Lumpur:** Seorang pemilik kucing sedih apabila haiwan peliharaannya bersama empat kucing terbiar, ditemui mati dipercayai diracun di Desa Pandan.

Kematian kucing dikenali sebagai Yogi yang mempunyai kira-kira 31,200 pengikut di laman TikTok, dikongsi pemiliknya Al Farrah Sherrina Zulkifle yang menunjukkan haiwan kesayangannya itu bersama seekor kucing berwarna oren, ditemui kaku di depan sebuah rumah, baru-baru ini.

Al Farrah berkata, dia sebenarnya tidak menyangka kucing kesayangan itu menjadi mangsa selepas beberapa kucing lain turut diracun, sejak beberapa minggu lalu.

"Saya hanya tahu Yogi dan kucing-kucing lain diracun, selepas pintu rumah diketuk jiran sekitar jam 8 pagi, kelmarin. Mereka beritahu Yogi diracun dan ditemui kaku di tingkat bawah bangunan," katanya.

Al Farrah berkata, setakat ini dia tidak mengetahui pelaku perbuatan itu, namun berharap keadilan atas kekejaman terhadap haiwan dapat ditegakkan.

"Sekiranya ada penduduk yang tidak suka kucing, mereka boleh maklumkan supaya kami lakukan sesuatu," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Haiwan Malaysia (Animal Malaysia), Arie Dwi Andika, berkata pihaknya kesal kerana masih ramai yang menzalimi haiwan seperti yang berlaku terhadap Yogi dan mengingatkan agar pemilik haiwan menjalankan tanggungjawab untuk memastikan persekitaran selesa untuk semua pihak.

Katanya, usaha murni memberi makanan kepada kucing perlu disertai dengan tindakan untuk mengawal populasi kucing, iaitu dengan membuat pemandulan.

"Ini penting untuk perancangan jangka panjang dan mengawal populasi setempat. Apabila lakukan secara berkumpulan, kos pemandulan juga boleh dikongsi bersama," katanya.

Beliau turut mengingatkan supaya pemilik, khususnya mereka yang menyelamatkan haiwan terbiar sedar akan tanggungjawab besar sekiranya berlaku penganiayaan terhadap haiwan itu kerana mereka boleh dikaitkan dengan kesalahan di bawah Akta Kebajikan Haiwan yang boleh membawa hukuman maksimum RM100,000 serta maksimum tiga tahun penjara.

"Pembuktian perlu kukuh dan suspek biasanya akan bijak untuk mengalihkan isu, termasuklah memberi alasan hanya memberi makan dan bukannya racun. "Disebabkan itulah kita sedang berusaha untuk mengubah klausa Akta Kebajikan Haiwan 2015 untuk memberi sepenuh kesedaran kepada semua," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 28 |

# 21 nelayan Vietnam curi dua tan hasil laut ditahan



Seramai 21 kru termasuk tekong yang menaiki bot nelayan asing ditahan pada Sabtu selepas didapati menceroboh dan mencuri hasil laut di perairan negara.

**KEMAMAN** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman menahan 21 nelayan Vietnam termasuk tekong bersama dua tan hasil laut yang dicuri di perairan negara semasa rondaan dijalankan pada Sabtu.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, nelayan berusia lingkungan 18 hingga 54 tahun yang menaiki sebuah bot nelayan asing ditahan ketika rondaan bersepadu Op Pagar Laut, Op Kuda Laut dan Op Iman di perairan Terengganu kira-kira jam 5.30 petang.

"Pemeriksaan ke atas bot berkenaan mendapati semua kru dan tekong tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah serta bot tidak mempunyai permit menangkap ikan di perairan negara.

"Kita turut merampas kira-kira 1,000 liter diesel, dua tan hasil serta peralatan menangkap ikan dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM1.6 juta," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jelasnya, bot dan hasil rampasan serta nelayan berkenaan dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk menjalani saringan Covid-19 oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum kes diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam perairan negara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/63 kerana kru tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah," ujarnya.

Dalam pada itu, Rashidilhadi berkata, Maritim Malaysia memandang serius isu pencerobohan nelayan asing dan akan mempertingkatkan lagi rondaan dan kawalan di Zon Maritim Malaysia bagi memastikan keselamatan perairan negara.

Menurutnya, orang ramai disarankan memberi kerjasama untuk membantu menangani sebarang aktiviti jenayah maritim dengan membuat aduan melalui talian MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Kemaman di talian **09-858 1653.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI KEDAH | 27 |

# 61 kilang beras dipantau

Elak hasil benih padi tak sah, pengilang ingkar akan dikenakan tindakan tegas

**Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**

**ALOR SETAR**

Pejabat Kawal Selia Padi Beras Kedah mengingatkan semua pengilang beras di negeri ini agar tidak menghasilkan benih padi tidak sah dan tindakan tegas bakal menanti mereka yang ingkar.

Pengarah Kawal Selia Padi Beras Kedah, Abdul Rahman Tajudin berkata, pemantauan telah dilaksanakan ke atas 61 kilang beras di seluruh Kedah dan akan digiatkan dari masa ke masa agar pengilang sentiasa mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Menurutnya, penjualan benih tidak sah kepada petani bakal memberikan risiko kerana kualiti dan penghasilannya tidak melalui beberapa proses seperti tapisan yang disahkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).



Abdul Rahman (kiri) beramah mesra bersama tetamu yang hadir pada Majlis Jamuan Hari Raya Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras Kedah di Shahab Perdana, Alor Setar pada Isnin.

"Hasil pemantauan pada musim ini, penjualan benih padi tidak sah tidak lagi dibuat secara terbuka di kedai-kedai input pertanian seperti musim lepas selepas kami kerap turun padang. Namun, kita tahu penjualan di pasaran gelap masih lagi berjalan.

"Kini kita giat melakukan pemantauan di kilang-kilang beras untuk mengatasi isu penghasilan padi tidak sah selepas timbul dakwaan menyatakan terdapat kilang beras yang melakukan kegiatan itu," katanya pada sidang akhbar Majlis Jamuan Hari Raya Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras Kedah di Shahab Perdana, Alor Setar pada Isnin.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, sehingga kini pihaknya belum menemui bukti atau melakukan tangkapan terhadap pengilang beras.

Menurutnya, jika tangkapan dibuat, tindakan tegas boleh diambil termasuk penarikan subsidi selain berdepan pendakwaan di mahkamah.

"Petani biasa mungkin tak mampu hasilkan benih padi tidak sah ini dalam kuantiti banyak sebab masing-masing tiada kemudahan. Tetapi di kilang, mereka ada segalanya untuk proses mengayak, mengeringkan hinggalah pembungkusan," ujarnya.

Tambahnya, pemantauan turut dilakukan pada waktu malam kerana bimbang pengilang beras akan menjalankan operasi di luar waktu kerja bagi tujuan itu.

Untuk rekod, Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kedah telah merampas lebih 6.7 tan benih padi tidak sah pada 2021 bernilai RM8,100.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Tarik subsidi jika jual benih padi tak sah

**Alor Setar:** Sejumlah 61 pengilang beras diberi amaran agar tidak terbabit dalam kegiatan pasaran gelap menjual benih padi tidak sah bagi mengelak dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

Pengarah Kawalselia Padi dan Beras negeri, Abdul Rahman Tajudin, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan ada pengilang beras terbabit dalam kegiatan salah itu berikutan mereka mempunyai keupayaan dan peralatan dalam menghasilkan benih padi.

Katanya, kegiatan penjualan benih padi tidak sah atau 'benih kampit putih' dipercayai masih berlaku, namun keadaannya adalah terkawal berikutan langkah kawalan yang dilakukan pihaknya dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Masalah bekalan benih padi lazimnya berlaku ketika musim kedua tanaman padi berikutan tempoh rehat yang singkat menyebabkan permintaan terhadap benih padi meningkat kerana petani mahu cepat memulakan tanaman baharu.

"Kita bimbang jika ada pengilang beras mengambil kesempatan menjual benih di pasaran gelap kerana harganya boleh mencapai lebih RM40 bagi beg 20 kilogram berbanding benih padi sah yang bersubsidi cuma RM35," katanya ketika ditemui pada Majlis Jamuan Aidilfitri Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kedah, di sini, semalam.

Sebelum ini, timbul rungutan dalam kalangan petani yang tidak dapat memulakan musim tanaman baharu padi kerana tidak mendapat bekalan benih padi sah berikutan kekurangan bekalan, namun benih padi sama didakwa dijual di pasaran gelap pada harga sehingga RM48 setiap beg.

Keadaan ini menyebabkan berlaku dakwaan terdapat pengilang beras di negeri ini, terbabit dalam kegiatan penjualan benih padi bersubsidi demi meraih keuntungan berlipat kali ganda berbanding menjualnya kepada agensi yang membekalkannya kepada petani.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pengilang beras yang dikesan melakukan kegiatan berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 selain bayaran subsidi mereka ditarik balik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 20 |

## JUAL BENIH PADI TIDAK SAH

# 61 pengilang beras diberi amaran

**Alor Setar:** Sejumlah 61 pengilang beras diberi amaran agar tidak terbabit dalam kegiatan pasaran gelap menjual benih padi tidak sah bagi mengelak tindakan tegas ke atas mereka dilakukan pihak berkuasa.

Pengarah Kawalselia Padi dan Beras negeri, Abdul Rahman Tajudin berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada pengilang beras terbabit dalam kegiatan terbabit berikutan mereka mempunyai keupayaan dan peralatan dalam menghasilkan benih padi.

Jelasnya, kegiatan penjualan benih padi tidak sah atau 'benih kampit putih' dipercayai masih berlaku namun keadaannya terkawal berikutan langkah kawalan yang dilakukan pihaknya dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

"Masalah bekalan benih padi lazimnya berlaku ketika musim kedua tanaman padi berikutan tempoh rehat yang singkat menyebabkan permintaan kepada benih padi meningkat kerana petani mahu cepat memulakan tanaman baharu.

"Kita bimbang jika ada pengilang beras mengambil kesempatan menjual benih di pasaran gelap kerana harganya boleh mencapai lebih RM40 bagi beg 20 kilogram berbanding benih padi sah yang bersubsidi cuma RM35," katanya ketika ditemui pada Majlis Jamuan Aidilfitri Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kedah di sini, semalam.

Sebelum ini, timbul rungutan dalam kalangan petani yang tidak dapat memulakan musim tanaman baharu padi berikutan tidak mendapat bekalan benih padi sah berikutan kekurangan bekalan, namun benih padi sama didakwa dijual di pasaran gelap pada harga sehingga RM48 setiap beg.

Keadaan itu menyebabkan berlaku dakwaan terdapat pengilang beras di negeri ini, terbabit dalam kegiatan penjualan benih padi bersubsidi demi meraih keuntungan berlipat kali ganda berbanding menjualnya kepada agensi yang membekalkannya kepada petani.

> **Jual benih di pasaran gelap kerana harganya boleh mencapai lebih RM40 bagi beg 20 kilogram**

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pengilang beras yang dikesan melakukan kegiatan berkenaan boleh diambil tindakan undang-undang mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 selain bayaran subsidi mereka ditarik balik.

"Untuk mengatakan petani terbabit dalam kegiatan menghasilkan benih padi tidak sah agak sukar kerana mereka tidak mempunyai kemudahan, walaupun memiliki kemahiran dalam mengeluarkan benih padi bagi kegunaan sendiri.

"Pengilang beras yang sebenarnya mempunyai kelengkapan lengkap termasuk kaedah pembungkusan kerana mereka mengeluarkan benih padi dalam jumlah besar setiap tahun selain turut menerima subsidi kerajaan bagi melakukan proses berkenaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | HARAKAH | UTARA | 16 |

# Runtuhan ban MADA jejas 13,350 hektar sawah padi

**ALOR SETAR:** Runtuhan ban Lembaga Kemajuan Muda (MADA) bukan sahaja menyebabkan gangguan bekalan air ke 13,500 akaun di sekitar Pokok Sena sebaliknya turut menjejaskan sawah padi seluas 13,350 hektar.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, satu pertiga daripada keluasan itu merupakan kawasan pertanian di bawah kelolaan MADA.

Justeru itu, beliau menggesa masalah membabitkan 40,000 petani itu diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar ban baharu segera dibina.

"MADA sebelum ini memaklumkan kos membina semua ban yang runtuh itu menelan belanja antara RM1.5 juta hingga RM1.8 juta.

"Namun dijangka anggaran kos yang lebih tinggi diperlukan untuk membina semula ban yang lebih kukuh memandangkan sering kali berlaku limpahan air (over flow) di kawasan terbabit," jelas beliau pada sidang media Rabu lalu di Wisma Darul Aman.

Katanya lagi, hal itu perlu diberi perhatian memandangkan musim menanam hampir tiba dan air perlu dialirkan ke petak bendang untuk kerja-kerja pertanian.

Kegagalan menanganinya dengan kadar segera, ujarnya dibimbangi akan menyebabkan kerugian berpuluh-puluh ribu tan padi.

"Pihak agensi terbabit perlu melihat isu ini kerana melibatkan *'food security'* (keselamatan makanan) yang menjejaskan penghasilan padi.

"Tambahan pula sekarang ini musim menanam, air perlu masuk ke petak bendang, sekiranya gagal, kerja-kerja penanaman akan terbantut," tambah beliau.



Sidang media mb Kedah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Tarik subsidi jika jual benih padi tidak sah



ALOR SETAR: Sejumlah 61 pengilang beras diberi amaran tidak terbabit dalam kegiatan pasaran gelap menjual benih padi tidak sah bagi mengelak dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

Pengarah Kawalselia Padi dan Beras negeri, Abdul Rahman Tajudin, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan ada pengilang beras terbabit dalam kegiatan salah itu berikutan mereka mempunyai keupayaan dan peralatan dalam menghasilkan benih padi.

Katanya, kegiatan penjualan benih padi tidak sah atau 'benih kampit putih' dipercayai masih berlaku, namun keadaannya adalah terkawal berikutan langkah kawalan yang dilakukan pihaknya dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Masalah bekalan benih padi lazimnya berlaku ketika musim kedua tanaman padi berikutan tempoh rehat yang singkat menyebabkan permintaan kepada benih padi meningkat kerana petani mahu cepat memulakan tanaman baharu.

"Kita bimbang jika ada pengilang beras mengambil kesempatan menjual benih di pasaran gelap kerana harganya boleh mencapai lebih RM40 bagi beg 20 kilogram berbanding benih padi sah yang bersubsidi cuma RM35," katanya ketika ditemui pada Majlis Jamuan Aidilfitri Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kedah, di sini, hari ini.

Sebelum ini, timbul rungutan dalam kalangan petani yang tidak dapat memulakan musim tanaman baharu padi kerana tidak mendapat bekalan benih padi sah berikutan kekurangan bekalan, namun benih padi sama didakwa dijual di pasaran gelap pada harga sehingga RM48 setiap beg.

Keadaan ini menyebabkan berlaku dakwaan terdapat pengilang beras di negeri ini, terbabit dalam kegiatan penjualan benih padi bersubsidi demi meraih keuntungan berlipat kali ganda berbanding menjualnya kepada agensi yang membekalkannya kepada petani.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, pengilang beras yang dikesan melakukan kegiatan berkenaan boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 selain bayaran subsidi mereka ditarik balik.

"Untuk mengatakan petani terbabit dalam kegiatan menghasilkan benih padi tidak sah agak sukar kerana mereka tidak mempunyai kemudahan, walaupun memiliki kemahiran dalam mengeluarkan benih padi bagi kegunaan sendiri.

"Pengilang beras yang sebenarnya mempunyai kelengkapan lengkap termasuk kaedah pembungkusan kerana mereka mengeluarkan benih padi dalam jumlah besar setiap tahun selain turut menerima subsidi kerajaan bagi melakukan proses berkenaan," katanya.

Untuk rekod, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kedah merampas lebih 6.7 tan benih padi tidak sah bernilai kira-kira RM8,100 pada 2021, namun tiada rampasan dilakukan pada tahun lalu berikutan kawalan ketat yang dilakukan kerajaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# MALAYSIA BELUM TERLAMBAT

## Laksana tindakan segera hadapi krisis makanan



### LAPORAN KHAS

- Setiap tahun negara kita merekodkan lebih dari RM50 bilion import bahan makanan asas seperti beras sebanyak 30 peratus, daging lembu (78 peratus), daging kambing (hampir 90 peratus) dan sayur kobis bulat (60 peratus).
- Oleh itu, Malaysia perlu memanfaatkan sumber yang ada di dalam negara sebagai persediaan bagi menghadapi krisis bekalan makanan yang dijangka meruncing susulan masalah cuaca ekstrem, pandemik Covid-19, inflasi, kenaikan harga minyak dan peperangan Rusia-Ukraine yang masih berlarutan.
- Pakar-pakar dalam bidang pertanian dan makanan mencadangkan agar kerajaan mengutamakan produktiviti penghasilan bekalan makanan penting kerana ketika ini negara hanya fokus kepada sektor tertentu yang tidak selari dengan permintaan bekalan makanan domestik.
- Turut disyorkan ialah konsep pertanian moden iaitu pertanian di dalam bangunan dan inisiatif kerajaan dalam memberikan khidmat sokongan melalui penggunaan teknologi terkini kepada petani skala kecil yang mengusahakan tanaman, penternakan dan perikanan.

MUKA 2 & 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |


# Krisis berlarutan bakal jejaskan bekalan makanan

Malaysia perlu bertindak segera dengan manfaatkan segala sumber yang ada

SHAH ALAM

Malaysia akan mengalami krisis makanan yang teruk sekiranya pelbagai masalah seperti inflasi, kenaikan harga minyak, cuaca ekstrem, pandemik Covid-19 dan peperangan antara Rusia-Ukraine terus berlarutan.

Pakar Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia, Profesor Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad berkata, dalam keadaan sekarang, meskipun berhadapan dengan krisis makanan, namun ia tidak terlalu teruk.



FATIMAH

"Situasi kita sekarang ini masih boleh bertahan. Cuma yang kurang adalah daging, susu dengan daging kambing. Tetapi buah-buahan masih dalam keadaan yang baik. Kalau situasi semasa sekarang ini terus berlaku, memang kita akan parah.

"Katakanlah China terus *'lockdown'*, masalah cuaca terus berlaku, memang kita akan tersepit sebab kita memang banyak import daging dari luar negara. Kalau negara pembekal alami masalah, kita juga terima kesannya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Mengulas mengenai berapa lama negara mampu bertahan dengan bekalan makanan ketika ini, beliau berkata, perkara itu juga adalah bergantung kepada masalah yang berlaku terhadap negara import tersebut.

"Kita tidak boleh ramal berapa lama kita boleh bertahan. Kita kena melihat kepada faktor-faktornya. Kalau negara luar ada masalah, kita juga terpalit. Jadi, kita perlu bersedia sahaja.

"Apa yang kita boleh buat sekarang ini adalah menyelesaikan masalah yang berlaku dalam negara kita," ujarnya.

Oleh itu, beliau berkata, kerajaan perlu menjadikan makanan sebagai keutamaan dengan mencari inisiatif dalam memastikan produktiviti di negara ini sentiasa mencukupi untuk seluruh rakyat.

"Kita telah silap dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kita hanya menumpu kepada kelapa sawit. Namun begitu dalam sektor makanan kita agak terpinggir. Usaha untuk membangunkan sektor makanan tidak mencukupi.

"Kita tidak pernah buat agenda meningkatkan produktiviti rambutan, nangka, cempedak, tembikai dan sebagainya. Yang ada hanyalah durian. Itupun (dilakukan) swasta," ujarnya.

Tambahnya, industri baja tempatan perlu dibangunkan dan dikembangkan memandangkan negara terlalu banyak mengimport barangan tersebut mencecah sehingga 90 peratus.

"Kita tiada usaha untuk bangunkan baja. Walhal bahan mentah baja banyak. Biojisim kita banyak. Getah, sampah buangan, sisa makanan juga banyak. Ini semua boleh salur kepada baja.

"Macam Taiwan, mereka menjadi negara sifar pembaziran. Jadi, pembaziran ini boleh salurkan kepada baja. Kita tidak ada usaha itu. Tidak ada inisiatif. Memanglah pertanian ini mengambil masa yang lama, tetapi masih belum terlambat lagi untuk kita lakukan," katanya.




## Hidupkan semula 'Buku Hijau'

SHAH ALAM - Pakar Ekonomi, Manokaran Mottain mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan konsep pertanian moden iaitu pertanian dalam bangunan terbiar sebagai langkah alternatif dalam mendepani krisis bekalan makanan sekali gus dapat meningkatkan ekonomi rakyat.

"Konsep pertanian moden itu memang mudah dan perlu dilakukan dengan cara yang betul. Ada bangunan-bangunan kerajaan yang telah ditinggalkan memandangkan mereka pindah ke Putrajaya.

"Jadi bangunan kerajaan (yang diabaikan) itu boleh ditukarkan menjadi tempat pertanian. Maknanya pertanian dalam bangunan.

Mengulas lanjut, Manokaran berkata, kerajaan juga boleh memberikan insentif atau menghidupkan semula 'Buku Hijau' bagi menggalakkan para graduan universiti untuk menceburi bidang pertanian moden.

"Dahulu semasa zaman Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein, rancangan 'Buku Hijau' itu memang berjaya tetapi lama kelamaan ia ditinggalkan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Ubah dasar pertanian negara



ANALISIS

MEOR SHAHROM ZAINUDDIN

Pencerobohan Rusia ke atas Ukraine baru-baru ini mendorong Program Makanan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi amaran tentang krisis makanan global yang akan berlaku akibat gangguan dalam pengeluaran dan eksport.

Memandangkan perang yang berterusan di Ukraine, persoalannya ialah sejauh manakah Malaysia bersedia dari segi sekuriti makanan sekiranya krisis itu berterusan?

Bersetuju atau tidak hakikatnya kita sememangnya tidak bersedia untuk menghadapi krisis makanan pada skala global, tapi adakah kerana kita tidak mempunyai keupayaan?

Umum sudah maklum, Malaysia mengimport lebih RM50 bilion nilai makanan setiap tahun, di mana kita hanya mengeluarkan 46 peratus daripada jumlah permintaan sayuran, 70 peratus daripada jumlah permintaan beras, 61 peratus buah-buahan dan 25 peratus daging.

Menurut Penganalisis Ekonomi dari Universiti Kuala Lumpur Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, untuk memenuhi kehendak rakyat Malaysia, permit import (AP) makanan tidak lagi produktif malah mewujudkan kartel yang mengawal turun naik harga barang dan kini ia menjadi lebih kritikal apabila mata wang Dolar meningkat naik dan Ringgit Malaysia turun.

Oleh itu antara pelan jangka panjang dicadangkan ialah meningkatkan pengeluaran makanan domestik.

Antaranya melalui penggunaan tanah serta merubah dasar pertanian dari hanya memihak kepada eksport komoditi seperti kelapa sawit sahaja kepada pertanian tanaman makanan.

Kerajaan mesti menekankan kepada kepesatan dan pembangunan para petani kecil yang menyediakan beras, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Kita mesti membantu para petani yang berjaya untuk mengeksport hasil mereka, tetapi yang berlaku sebaliknya iaitu kita melihat semakin banyak kemusnahan tanah ladang untuk bahagian industri dan pengembangan bandar, " katanya.

Dalam pada itu negara mempunyai cukup kawasan untuk sawit dan pertanian makanan, tetapi insentif dalam industri pertanian sangat lemah berikutan pelesenan, konsesi dan sekatan ke atas akses pasaran. Sebenarnya rantaian nilai bekalan ini dikawal kukuh oleh orang tengah yang bermula dari mendapat kebenaran mengimport barang-barang makanan.

Negara memerlukan revitalisasi pasaran dan inovasi baharu saluran pasaran untuk membantu para petani tempatan. Ekonomi digital yang sampai tepat pada waktunya perlu digunakan impak semaksimumnya.

"Covid-19 dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu telah mendedahkan kelemahan kita dalam sekuriti makanan," ujarnya.

## Sekuriti makanan dan senarai makanan diimport Malaysia

- Sekuriti Makanan boleh ditakrifkan sebagai keadaan di mana semua orang mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat.
- Selain itu, makanan tersebut mestilah memenuhi keperluan pemakanan seharian untuk membolehkan manusia menjalani gaya hidup yang aktif dan sihat.

*(sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan)*

### Antara senarai makanan yang diimport

- Timun
- Bayam
- Tomato
- Telur ayam/itik
- Pisang
- Terung
- Bendi
- Cili
- Daging kambing/bebiri
- Jambu batu
- Daging ayam/itik
- Kelapa
- Biji sawi
- Daging lembu/kerbau
- Durian
- Ikan kembung
- Tuna
- Rambutan
- Udang
- Jagung manis
- Mangga
- Sotong
- Ketam
- Tembikai
- Kobis bulat
- Beras
- Manggis
- Cempedak/nangka
- Nanas
- Kacang panjang

*(Sumber: Bank Negara Malaysia)*

## Negara kacau bilau apabila tiada makanan dalam tempoh tiga hari saja



MAD NASIR

SHAH ALAM - Struktur pertanian, penggunaan teknologi dan ciri keusahawanan menjadi punca Malaysia tidak mempunyai keupayaan tinggi dalam menghasilkan agromakanan untuk keperluan rakyat sendiri.

Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN), Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin berkata, ia menyebabkan negara telah merekodkan lebih daripada RM50 bilion import bahan makanan.

"Pada amnya Malaysia mengimport banyak barang makanan asas seperti beras sebanyak 30 peratus, daging lembu (78 peratus), daging kambing (hampir 90 peratus dan sayur kobis bulat (60 peratus).

"Ini membuktikan kita masih bergantung kepada import makanan untuk barangan asas.

"Pada tahun 2020, defisit import makanan negara dalam lingkungan RM17.4 bilion," katanya.

Mengulas lanjut, Md Nasir berkata, bagi struktur pertanian negara terbahagi kepada dua iaitu sektor tanaman industri yang dipelopori oleh syarikat perladangan manakala sektor pemakanan oleh pekebun kecil.

"Contohnya, sektor tanaman industri seperti kelapa sawit memang maju dan dipelopori oleh syarikat perladangan".

"Seperti minyak sawit, sebanyak 70 peratus oleh syarikat perladangan dan selebihnya oleh pekebun kecil. Tetapi untuk pengeluaran makanan tidak ada struktur seperti minyak sawit.

"Sebaliknya, yang banyak keluarkan adalah dipelopori oleh pekebun-pekebun kecil atau pertanian kecil. Ini isu struktur pengeluaran kita," ujarnya.

Tambah beliau, ia bukanlah disebabkan pelaburan dalam sektor makanan tidak menguntungkan tetapi pelaburan kepada kelapa sawit lebih menguntungkan.

"Ini kita boleh lihat sendiri lebih kurang lima juta hektar tanah negara kita adalah kelapa sawit. Tetapi untuk makanan ini dalam lingkungan 700,000 hektar sahaja.

"Jadi kita lihat banyak perbezaan daripada tanah untuk pengeluaran makanan dan tanaman industri. Jadi ini menunjukkan produktiviti pengeluaran makanan adalah terhad.

"Bagaimanapun, apabila bercakap tentang makanan, kita ada tiga, tanaman makanan, ternakan dan perikanan, tetapi secara amnya ia masih dipelopori oleh pekebun-pekebun kecil.

"Jadi apabila dipelopori oleh pekebun kecil, teknologi adalah rendah berbanding dengan minyak sawit," jelas beliau.

Kata Md Nasir, kebergantungan negara kepada makanan import dalam jangka masa panjang tidak begitu baik.

Menurutnya, ia kerana sekiranya sebuah negara itu tidak cukup makanan dalam tiga hari sahaja, maka, negara itu akan kacau bilau.

"Untuk itu, ekosistem pertama adalah polisi yang memberikan insentif kepada pekebun kecil supaya mereka boleh menggunakan teknologi dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan tani.

"Kalau cukup tiga-tiga perkara itu insya-ALLAH kita boleh meningkatkan pengeluaran kita," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Raja Perlis inspirasi rakyat terokai pertanian moden

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG BESAR:** Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail memiliki jiwa yang gemar berbudi pada tanah seterusnya menjadi inspirasi kepada rakyat dalam menerokai pertanian moden di negeri ini.

Tuanku Syed Sirajuddin bukan sahaja mencetuskan idea mewujudkan sebuah ladang berkonsepkan *zero waste* atau sifar sisa buangan, malah baginda juga sering melawat ladang yang terletak di Kampung Bilal Udoh, Bukit Keteri itu sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

Menurut Pengurus ladang itu, Mohd. Farhan Sabry, 41, baginda telah mencetuskan idea tersebut pada 2020 dan projek berkenaan telah dilaksanakan di kawasan seluas sembilan hektar itu pada tahun yang sama.

Katanya, kawasan tersebut sebelum ini merupakan kawasan tanaman harumanis, namun hasilnya tidak menentu menyebabkan baginda yang berpandangan jauh memberi cadangan supaya ia diusahakan semula dengan tanaman yang tidak bermusim.

"Kemudian baginda telah memilih tanaman kelapa yang boleh mendatangkan hasil sepanjang masa, penyelenggaraan yang kurang tetapi mempunyai permintaan buah yang tinggi.

"Visi baginda jelas dalam menjadikan ladang ini sebagai sifar sisa buangan dengan najis itik membabitkan 4,000 ekor ketika ini dijadikan baja organik kepada pelbagai tanaman di sini seperti durian, cili, betik, jagung dan sebagainya," katanya ketika ditemui di ladang tersebut.

Tambah Mohd. Farhan, Tuanku Syed Sirajuddin yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan rakyat turut mengambil asnaf untuk bekerja di ladang tersebut.

> **Baginda juga memikirkan cara bagi mengoptimumkan penggunaan tanah dengan pertanian campuran seperti cili dan betik sebagai *cash crop*...**
>
> MOHD. FARHAN SABRY

Dalam masa sama, katanya, peluang itu juga dapat memberi pengalaman kepada mereka bagi mengusahakan kebun sendiri pada masa depan.

Ujarnya, baginda juga memikirkan cara bagi mengoptimumkan penggunaan tanah dengan pertanian campuran seperti cili dan betik sebagai *cash crop* yang dapat memberikan hasil sementara menunggu pokok kelapa dan durian matang.

"Konsep yang dilakukan di ladang berkenaan telah memberi inspirasi kepada rakyat baginda. Sudah ada beberapa petani yang datang ke sini bagi mendapatkan maklumat mengenai corak pertanian baharu itu.

"Baginda sememangnya minat dalam pertanian dan konsep yang dibawakan baginda telah menjadi *role model* kepada petani-petani di negeri ini," ujarnya.

Tambahnya, terdapat juga pokok kegemaran baginda iaitu durian belanda dan buah naga.

"Apabila baginda berangkat melawat ladang iaitu sekurang-kurangnya dua kali seminggu, baginda suka mengambil buah durian belanda. Itu memang buah kegemaran baginda.



TUANKU Syed Sirajuddin Jamalullail meluangkan masa berangkat melawat ladang baginda di Kampung Bilal Udoh, Bukit Keteri, Padang Besar, Perlis.



MOHD. Farhan Sabry menunjukkan pokok cili dan kelapa di ladang milik Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail di Kampung Bilal Udoh, Bukit Keteri, Padang Besar, Perlis, baru-baru ini. – UTUSAN/NAZLINA NADZARI

REAKSI RAKYAT PERLIS

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

# NGO desak SPRM, PDRM, badan audit siasat isu daging import

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) minggu ini berhubung isu status halal daging import.

Ini susulan keputusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menggantung kelulusan penyembelihan halal yang diberikan kepada loji sembelihan Thomas Foods International (TFI) Lobethal di Australia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan menjelaskan, laporan itu akan dibuat sebagai desakan kepada pihak berkuasa untuk membuka kertas siasatan secara rasmi terhadap isu tersebut.

"Kita perlukan laporan audit, kita perlukan SPRM dan kita perlukan penubuhan jawatan kuasa tertentu untuk mengkaji perkara ini, sebab kalau tidak siasat, ia tidak akan berhenti dan akan terus berlaku, jadi kena ambil tindakan.

"Oleh itu, kita akan buat laporan SPRM, PDRM serta badan audit, kita mahu laporan audit memperincikan segalanya, bagaimana ia boleh berlaku? Kaedah ini penting bagi menjamin keselamatan kita sebagai umat Islam," katanya ketika dihubungi.



NADZIM JOHAN

Kelmarin, akhbar ini melaporkan JPV sedang mengesan baki daging import dari Australia yang telah disahkan melanggar prosedur penyembelihan halal dalam negara ini untuk dilupuskan.

Malah, mana-mana haiwan sembelihan atau daging import yang telah masuk ke negara ini didapati melanggar prosedur dan garis panduan yang ditetapkan tidak akan diluluskan dan diedarkan ke mana-mana pasaran di seluruh negara.

JPV akan bekerjasama dengan beberapa agensi lain dalam negara seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jakim serta pihak luar dari Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar (DAWE) Australia untuk memulakan siasatan itu.

Bagaimanapun, Nadzim juga meminta Jakim supaya mengatasi kelemahan terhadap penguatkuasaannya, yang menjadi salah satu punca isu daging import ini dibiarkan berlaku sehingga galah ia didedahkan sendiri oleh orang awam.

"Jakim juga seperti badan-badan lain, mereka juga ada kelemahan tertentu, tetapi ia perlu diatasi dengan audit," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Pertubuhan Kemasyarakatan Rakyat (Pekemas), Faizan Mohd. Nor juga difahamkan akan bersama-sama membuat laporan kepada SPRM dan PDRM dalam masa terdekat, namun beliau enggan mengulas lanjut.

Beliau merupakan salah seorang yang mendedahkan bukti menerusi maklumat daripada pekerja rumah penyembelihan di Australia, termasuk rakaman video ketidakpatuhan yang berlaku bertahun-tahun.

Sejak 14 April lalu, akhbar ini mendedahkan status halal sebuah rumah penyembelihan haiwan di Australia yang turut mengeksport daging ke Malaysia diragui apabila prosedur penyembelihan didakwa tidak mengikut syariat Islam.

Tambah mengejutkan, pusat penyembelihan di Lobethal, Selatan Australia itu ada dalam senarai diiktiraf kerajaan Malaysia dan mendapat perakuan badan pensijilan halal luar negara di Australia.

Rentetan pendedahan bermula apabila Faizan mendakwa, beliau mempunyai bukti menerusi maklumat daripada pekerja rumah penyembelihan itu termasuk rakaman video ketidakpatuhan yang berlaku bertahun-tahun.

Berdasarkan bukti rakaman video dan gambar menunjukkan, haiwan-haiwan dilemaskan dalam takungan darah binatang yang disembelih terdahulu menyebabkan haiwan itu mati akibat lemas dan bukannya kerana disembelih sebagaimana syarat yang diperlukan dalam keperluan penyembelihan halal.

Pelanggaran protokol halal sebuah rumah penyembelihan di Australia itu juga turut diakui penyelidik bebas warganegara berkenaan, Murray Hunter yang juga bekas profesor di Universiti Malaysia Perlis (Unimap).

# Isu daging import: TFI pernah digantung pada 2017

**PETALING JAYA:** Salah sebuah rumah penyembelihan haiwan milik Thomas Foods International (TFI) pernah digantung oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada Ogos 2017 berhubung isu daging import halal.

Penggantungan itu dibuat terhadap tiga rumah penyembelihan di Australia, selepas proses audit selesai dijalankan pada Mei 2017.

Ketika itu, TFI mempunyai sijil halal, namun, sewaktu menjalani audit, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mendapati ia tidak mematuhi protokol halal Malaysia sekali gus dikenakan hukuman penggantungan.

Walaupun JPV tidak menamakan pemilik rumah penyembelihan yang digantung, media Australia mendedahkan nama TFI, sebelum penggantungan itu diakui oleh ketua pegawai operasinya ketika itu, David McKay.

Sejak itu juga, JPV mengenakan penggantungan terhadap enam rumah penyembelihan di negara berkenaan, sebelum dua buah rumah dibenarkan untuk mengeksport semula ke Malaysia, lapan bulan selepas hukuman itu dikenakan.

Rumah penyembelihan milik TFI juga pernah dikenakan penggantungan pada Julai 2017, bagi eksport daging ke China berhubung isu pelabelan.

Kini, penggantungan terhadap TFI berlaku sekali lagi apabila Jakim dan JPV dengan Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar (DAWE) Australia pada 13 Mei 2022 bersetuju untuk menggantung kelulusan yang telah diberikan berkuatkuasa serta-merta.

Bukan itu sahaja, Majlis Tertinggi Islam dalam daging halal di Australia (SICHMA) selaku badan pensijilan halal yang bertanggungjawab dalam penyeliaan halal ke atas loji sembelihan tersebut diminta surat tunjuk sebab.

Bagaimanapun, ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penyelidik bebas Australia, Murray Hunter menyifatkan tindakan penggantungan yang dikenakan terhadap TFI sahaja tidak akan menyelesaikan masalah yang dihadapi industri halal negara ketika ini.

"Penggantungan sahaja tidak mencukupi, malah saya sendiri terkejut apabila mendapati Majlis Tertinggi Islam dalam daging halal di Australia (SICHMA) hanya diarahkan untuk mengemukakan surat tunjuk sebab.

"Sehingga pihak berkuasa mempunyai kesanggupan (*willingness*) untuk menghapuskan penyelewengan yang berleluasa, industri ini akan terus tercemar," katanya.

# Kukuhkan industri ruminan tempatan

**PETALING JAYA:** Sudah tiba masa negara memberikan fokus kepada industri ruminan tempatan yang bukan sahaja menjamin protokol halal dan syariat Islam dipatuhi, tetapi juga mengelak isu halal berulang jika terus bergantung kepada daging import.



NORDIN MAT

Generasi Transformasi Ruminan Malaysia (GTR), Nordin Mat berkata, industri sentiasa menuntut supaya produk tempatan menjadi pilihan pertama untuk masyarakat yang kini dilihat lebih bergantung kepada produk import.

Menurutnya, jika selamanya bergantung kepada industri luar untuk mendapatkan bekalan daging, ia tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya ia akan terus berulang tanpa ada kesudahan.

"Kalau kita sendiri tidak boleh selamatkan bekalan daging tempatan, kita tidak boleh naikkan industri di dalam negara maka selamanya kita akan bergantung kepada negara luar.

"Jika bekalan makanan kita terlalu bergantung dengan produk import, kita tidur dan menganggap tiada apa berlaku, maka, masalah-masalah membabitkan halal ini akan terus ada serta tidak dapat diselesaikan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |



PEMBANTU gerai Cakoi Keramat di Pasar Keramat di ibu kota, Azman Abdullah, 35, menggunakan tepung gandum dalam menghasilkan kuih berkenaan. Peniaga kecil mulai resah susulan langkah kerajaan India menghentikan eksport gandum, baru-baru ini. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS.

# Sekatan India tidak jejas bekalan gandum negara

**Kuala Lumpur:** Tindakan India menyekat eksport gandum dijangka tidak akan menjejaskan bekalan tepung gandum untuk kegunaan am di Malaysia, kata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menurut Ketua Unit Komunikasi Korporatnya Yunus Tasim, negara tidak mengimport gandum dari India sebaliknya, 80 peratus bijirin itu diimport dari Australia selain Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine.

Susulan itu katanya, yakin larangan eksport dari India tidak akan memberi tekanan hingga menjejaskan bekalan negara.

"Gandum yang kita import bukan dari India, tetapi pelbagai negara terutama Australia. Kita dapati negara yang kita import tidak mengalami masalah sama (seperti India) dan tidak membuat larangan eksport," katanya.

Bagaimanapun Yunus berkata, KPDNHEP tidak memandang ringan perkara berkenaan sebaliknya mengambil beberapa langkah, antaranya meneruskan aktiviti pemantauan dengan bantuan 2,200 penguat kuasa di seluruh negara.

"Pemantauan itu bertujuan memastikan bekalan bagi dua kategori tepung iaitu bersubsidi dan tidak bersubsidi mencukupi di pasaran.

"Jika ada masalah kekurangan bekalan di suatu lokaliti, ada kemungkinan itu disebabkan pembekalan di kedai berkenaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | HARIAN METRO | MINDA | 14 |

**SEBAB ORANG MUDA KURANG MAHU BERBAKTI PADA TANAH**

# Mencari petani moden...



Bersama
**Mohd Rozaimy Ridzuan**

Kebanyakan golongan belia masih kurang bersedia untuk menjadi petani kerana merasakan bahawa kos permulaan untuk menjalankan aktiviti pertanian adalah tinggi

Sejak negara mencapai kemerdekaan, pertanian adalah antara sektor penting dalam menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Namun, peratusan sumbangan sektor itu kepada ekonomi negara semakin berkurangan sejak beberapa dekad lalu disebabkan oleh perkembangan sektor industri dan perkhidmatan. Namun, sektor pertanian senantiasa dilihat penting kerana ia dapat mengurangkan masalah struktur ekonomi seperti isu pengangguran, sekuriti makanan dan juga kemiskinan.

Seperti yang berlaku di kebanyakan negara, sektor pertanian seringkali dimonopoli oleh golongan berumur dan berkemahiran rendah. Sebilangan golongan belia menganggap sektor ini sebagai kerjaya picisan dan kurang glamor kerana sejak kecil lagi mereka dituntut untuk bekerja dalam bidang profesional. Selain itu, sebilangan belia juga tidak berpeluang untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi ini kerana menghadapi masalah pemilikan tanah dan kekurangan modal untuk memulakan aktiviti pertanian.

Isu kekurangan akses tanah sebenarnya boleh diatasi jika seseorang itu berhasrat menjadi petani moden. Aktiviti pertanian moden tidak semestinya memerlukan kawasan tanah yang luas mahupun tenaga buruh yang ramai. Sebagai contoh, teknik pertanian susun-tindih serta teknologi hidroponik hanya memerlukan kawasan tanah yang minimum berbanding teknik pertanian konvensional.

Petani moden yang kebiasaannya dipelopori golongan belia seharusnya memanfaatkan penggunaan teknologi bagi menjalankan aktiviti pertanian. Kebiasaannya, tahap minat dan celik teknologi mereka secara relatifnya tinggi berbanding dengan golongan yang berumur. Maka, adaptasi teknologi seperti penggunaan dron mampu meningkatkan produktiviti pertanian dan pada masa sama dapat mengurangkan kos operasi yang melibatkan kos buruh.

Sungguhpun begitu, golongan belia perlu diterapkan dengan ilmu berkaitan teknologi pertanian. Graduan kursus pertanian dilihat memiliki kelebihan untuk berjaya dalam aktiviti pertanian moden. Namun, situasi ini tidak menghalang graduan dari mana-mana kursus untuk menceburi bidang ini. Apa yang penting keinginan untuk belajar dan keazaman yang tinggi bagi memastikan apa yang diceburi dapat bertahan sampai bila-bila dan bukannya hanya untuk mengisi masa lapang sebelum dapat pekerjaan sesuai.

Di Eropah, walaupun peratus golongan belia yang melibatkan diri dalam aktiviti pertanian adalah rendah namun kebanyakan mereka memiliki tahap kemahiran yang tinggi dalam akviti pertanian. Di Jepun, golongan belia semakin menampakkan minat untuk terlibat dalam aktiviti pertanian. Industri pertanian di Jepun mencatat penambahan sebanyak lebih 20,000 orang pekerja yang berusia di bawah 50 tahun.

Di Malaysia pula, kebanyakan golongan belia masih kurang bersedia menjadi petani kerana merasakan kos permulaan untuk menjalankan aktiviti pertanian adalah tinggi, terutamanya apabila melibatkan penggunaan teknologi. Selain itu, kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian moden menyebabkan mereka mengambil sikap tunggu dan lihat.

Golongan belia seringkali dikatakan aktif menggunakan sosial media seperti Twitter, Facebook, Instagram dan juga YouTube. Sungguhpun begitu, kajian mendapati tidak ramai yang menggunakan media sosial ini bagi tujuan mengembangkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan pertanian. Teknologi komunikasi seperti aplikasi YouTube amatlah berguna untuk petani mendapatkan maklumat berkaitan pertanian mereka.

Selain itu, dilema yang dihadapi oleh golongan petani belia ini adalah masalah bencana alam seperti banjir yang semakin kerap melanda negara. Bencana banjir yang berlaku pada bulan Mac 2022 menyebabkan ramai petani mengalami kerugian besar.

Selain daripada ilmu berkaitan pertanian, golongan belia juga harus mempelajari teknik pengurangan risiko bencana bagi mengurangkan kebarangkalian hasil pertanian menjadi rosak teruk akibat banjir. Sistem saliran yang baik dan teknik penanaman yang sistematik mampu menyelamatkan hasil tanaman mereka daripada rosak.

Selain itu, golongan belia perlu sentiasa cakna dengan dasar kerajaan terutamanya yang melibatkan sektor pertanian. Banyak bentuk bantuan dan program telah diperkenalkan oleh kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan demi mengalakkan golongan belia untuk terlibat dalam sektor pertanian seperti Program Agropreneur Muda dan Geran Agropreneur Muda (GAM). Selain bantuan bersifat kewangan, kerajaan juga menyediakan latihan buat golongan belia mempelajari perihal berakitan pertanian. Segala bentuk bantuan yang diberikan kerajaan akan jadi sia-sia sekiranya golongan belia tidak cakna mengenainya.

Memandangkan pertanian moden menggunakan teknologi berteraskan AI dan IoT, jaringan internet perlu dilebarkan ke setiap penjuru negara, terutamanya di kawasan pedalaman. Kerjasama antara para penyelidik di universiti dan petani harus dijalinkan supaya bidang dan teknik baharu pertanian dapat diterokai dan akhirnya dapat meningkatkan produktiviti sektor pertanian negara. Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) perlu diperkasakan agar petani yang dilahirkan dapat menggunakan teknologi yang canggih bagi menjana pendapatan negara dan melestarikan alam sekitar. Insentif dan geran pertanian bukan sahaja perlu diteruskan, malah ia perlu ditambah dan diuar-uarkan secara komprehensif yang akhirnya nanti akan memberi manfaat kepada negara juga. Subsidi dan insentif yang menarik perlu diberikan kepada petani berdasarkan tahap pengaplikasian teknologi pertanian pintar.

Latihan yang diberikan kepada petani perlu bersifat komprehensif dan tidak tertakluk kepada perihal mengenai cara-cara bertani semata-mata. Latihan mengenai kesiapsiagaan menghadapi banjir perlu diterapkan agar pelaburan yang mereka jalankan akan berhasil waimah bencana melanda sekalipun.

**Penulis Pensyarah Dasar Awam di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub**

*dialog kotaraya* ***oleh juragan***



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | BISNES | 26 |

# Kilang baharu perkukuh kedudukan Farm Fresh



## Kemudahan pemprosesan di Perak mampu hasilkan 6 juta liter susu

**Oleh Mohd Zaky Zainuddin**
zaky@bh.com.my

**Farm Fresh** Bhd bakal mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar produk tenusu utama negara menerusi pengoperasian ladang dan kilang pemprosesan berkeluasan 335.08 hektar di Selama, Perak.

Kemudahan terkini syarikat perladangan tenusu bersepadu tempatan yang sudah 70 peratus siap itu dijangka mengeluarkan sehingga enam juta liter susu.

Kemudahan sedia ada milik Farm Fresh mampu mengeluarkan 25.3 juta liter susu setahun, merangkumi 12.3 juta liter di Malaysia dan bakinya di Australia.

Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh, Azmi Zainal, berkata buat masa ini syarikat sudah melabur lebih RM50 juta untuk membangunkan ladang dan kilang pemprosesan di Selama yang dianggarkan mampu menampung sehingga 3,000 ekor lembu.

Katanya, selepas ladang dan kilang pemprosesan beroperasi pada September ini, kemudahan itu dijangka mampu menyediakan bekalan produk untuk wilayah utara seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

"Kami sedang bekerjasama dengan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Syarikat Air Perak bagi menyediakan kelengkapan penjanaan elektrik kerana menjadi satu cabaran kepada membuka kilang pemprosesan di luar bandar susulan ketidakcukupan infrastruktur.

"Kami merancang menternak 2,000 hingga kapasiti maksimum 3,000 ekor lembu yang mampu menghasilkan enam juta liter setahun. Penambahan ternakan ini akan mengambil masa 15 hingga 18 bulan untuk mencapai kapasiti penuh.

"Buat masa sekarang, kami menternak lebih 1,000 lembu di Selama dan pengeluaran susu dilaksanakan tetapi pengilangan pemprosesan belum siap. Memandangkan tiada kilang pemprosesan di sana, susu yang diperah dihantar untuk proses ke Larkin, Johor," katanya kepada *BH*.

Azmi berkata, kilang pemprosesan di Selama dijangka menghasilkan chill product atau sedia diminum (RTD) di mana ketika ini penguasaan pasaran Farm Fresh di Malaysia adalah 42 peratus.

"Apabila kilang pemprosesan di Selama siap, kapasiti pengeluaran di Larkin sedikit dilonggarkan dan ia mampu meningkatkan pengeluaran untuk meraih jualan lebih baik di Singapura.

"Itu strategi kami memandangkan Singapura juga pasaran penting dengan jualan mencecah RM20 juta setahun.

"Ketika ini, Farm Fresh menanggung kos logistik yang agak besar untuk menghantar susu mentah dan produk, namun ia diimbangi dengan penghantaran semula jerami ke Muadzam, Pahang dan Larkin. Selepas kilang di Selama siap, ia akan melengkapkan ekosistem kami," katanya.

Mengenai operasi di Kyabram, Australia, Azmi berkata, Farm Fresh merancang menggunakan sebahagian dana dijana menerusi tawaran awam permulaan (IPO) sebanyak RM80 juta untuk pembangunan fasa dua kilang di negara berkenaan.

"Di Kyabram, kami ada satu kilang pemprosesan yang menghasilkan susu 13 juta liter setahun menerusi jumlah ternakan lembu susu sekitar 2,600 ekor. Susu mentah yang dihasilkan di sana dieksport semula ke Malaysia.

"Dengan keluasan 1,048.1 hektar, iaitu tanah yang beli sejak 2017, kami merancang membina kilang mengeluarkan produk UHT untuk pasaran eksport ke Asia Pasifik," katanya.

> "Kami sedang bekerjasama dengan TNB dan Syarikat Air Perak menyediakan kelengkapan penjanaan elektrik kerana menjadi satu cabaran membuka kilang pemprosesan di luar bandar susulan ketidakcukupan infrastruktur"



***Azmi Zainal,** Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | BERITA HARIAN | BISNES | 22 |

# Harga produk berasas gandum bakal melonjak



## Tindakan India sekat eksport jejaskan lagi bekalan akibat krisis Russia-Ukraine

**Oleh Mohd Zaky Zainuddin**
zaky@bh.com.my

**Tindakan** India menyekat eksport gandum ke pasaran global, termasuk Malaysia dijangka meningkatkan harga produk berasaskan bahan mentah itu, selain bakal menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi dunia.

Naib Pengerusi Gerakan Keadilan Monetari Malaysia, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata langkah yang dilaksanakan bagi melindungi kepentingan pasaran domestik India itu juga dilihat menambah tekanan ke atas rantaian bekalan gandum global yang terjejas akibat krisis Russia-Ukraine.

"Ini akan menyebabkan barangan tempatan berasaskan gandum akan menjadi lebih mahal, sekali gus boleh menyumbang kepada kenaikan kadar inflasi.

"Situasi ini dijangka akan berterusan beberapa bulan lagi kerana bukan mudah meningkatkan kembali bekalan gandum dengan segera kerana ia bergantung kepada faktor cuaca dan permintaan peringkat domestik serta global.

"Justeru, rakyat Malaysia dinasihat berhemah dalam berbelanja dan mengutamakan barangan tempatan," katanya ketika dihubungi *BH*.

India melarang eksport gandum berkuat kuasa serta-merta ketika gelombang haba akibat cuaca panas terik menjejaskan hasil tanaman dan harga tempatan mencecah rekod paras tertinggi.

Harga gandum di India meningkat kepada rekod tertinggi dengan beberapa pasaran mencecah 25,000 rupee (RM1,418) satu tan, berbanding harga sokongan minimum ditetapkan kerajaan 20,150 rupee (RM1,143).

Bagaimanapun, kerajaan India menjelaskan, pihaknya masih membenarkan eksport membabitkan surat kredit sudah dikeluarkan serta atas permintaan negara yang berusaha memenuhi keperluan keselamatan makanan mereka.

Pembeli global mengharapkan negara pengeluar gandum kedua besar di dunia itu untuk bekalan selepas eksport dari wilayah Laut Hitam merudum susulan pencerobohan Russia terhadap Ukraine.

Sebelum penguatkuasaan larangan itu, India menyasarkan untuk mencatat rekod eksport 10 juta tan gandum, tahun ini.

Larangan eksport oleh India itu boleh mengakibatkan harga global melonjak ke paras baharu, sekali gus menjejaskan pengguna miskin di Asia dan Afrika.

Peningkatan harga makanan dan tenaga mendorong inflasi runcit tahunan India melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh lapan tahun bulan lalu serta mengukuhkan pandangan ahli ekonomi bahawa bank pusatnya perlu menaikkan kadar faedah secara lebih agresif untuk mengekang harga.

Indonesia sebelum ini turut mengambil langkah menyekat eksport minyak sawit bagi mengekang kenaikan harga komoditi itu, di samping menjaga kepentingan pasaran domestiknya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata sesuatu yang tidak menghairankan apabila India sekat eksport gandum bagi mengawal permintaan dalam negara yang memiliki populasi kedua tertinggi dunia selepas China.

"Susulan peperangan Russia dan Ukraine yang menjejaskan bekalan gandum dengan kedua-dua negara itu membekalkan 30 peratus daripada keperluan dunia, maka tidak mengejutkan India pula mengambil tindakan demi kepentingan domestik.

"Selain kekurangan bekalan, kenaikan harga gandum dunia menyebabkan India sukar memenuhi permintaan negara pengimport, jadi India perlu mementingkan rakyatnya dahulu," katanya.

Aimi Zulhazmi berkata, wujud juga gangguan imbangan pembayaran antara eksport dan import susulan kenaikan harga barangan termasuk gandum dalam dolar Amerika Syarikat (AS) yang menjurus kenaikan kadar inflasi dunia.

"Kenaikan harga gandum dunia mula memberi kesan kepada harga barang di Malaysia dan dijangka terus memberikan tekanan, apatah lagi ringgit lemah berbanding dolar AS.

"Ia dijangka berterusan kerana perang masih berlaku dan kemusnahan di Ukraine mengambil masa beberapa tahun untuk diperbaiki, itu pun seandainya perang tamat," katanya.

> "Situasi ini dijangka akan berterusan beberapa bulan lagi kerana bukan mudah meningkatkan kembali bekalan gandum dengan segera kerana ia bergantung kepada faktor cuaca dan permintaan peringkat domestik serta global"



***Ahmed Razman Abdul Latiff,***
*Naib Pengerusi Gerakan Keadilan Monetari Malaysia*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | CETUSAN | 17 |

# Antara iklim dan sekuriti makanan



PERSPEKTIF

DR HALIZA ABDUL RAHMAN

Perubahan iklim ini berlaku susulan fenomena pemanasan global yang diakibatkan oleh pelepasan gas rumah hijau (GHG) daripada aktiviti manusia yang kini berada pada tahap membimbangkan, dan jika tiada tindakan drastik diambil bagi mengurangkan pelepasan GHG, dunia dijangka berdepan bencana alam lebih dahsyat. Hakikatnya, perubahan iklim bukan sahaja memberi kesan fizikal kepada alam tetapi juga terhadap sektor pertanian khususnya tanaman makanan.

Perubahan iklim turut memberi impak kepada sistem semula jadi dan kehidupan manusia seperti pengeluaran makanan dan rantaian pasaran komoditi dengan implikasinya terhadap ketersediaan makanan dan keupayaan untuk diakses oleh masyarakat. Natijahnya, kerencaman dalam perubahan iklim akan mengubah penggunaan makanan dengan memberi kesan kepada status pemakanan penduduk.

Ini bukan polemik baharu, sebaliknya sudah menjadi perhatian di peringkat global sejak hampir tiga dekad lepas. Secara asasnya, terdapat dua faktor pencetus utama perubahan iklim yang memberikan impak kerugian dan kerosakan kepada produktiviti sektor pertanian, iaitu peningkatan suhu dan corak perubahan taburan hujan yang tidak menentu. Fenomena itu meningkatkan risiko dan kejadian bencana seperti banjir, kemarau yang berpanjangan, anjakan musim hujan serta kenaikan aras air laut.

Berpandukan laporan Climate Change Scenarios For Malaysia 2001-2099 yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), kekerapan musim kering dan panas telah meningkat sejak 2005 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Justeru, tanaman padi yang merupakan tanaman makanan ruji masyarakat negara ini adalah antara yang paling berpotensi terkesan oleh perubahan iklim, sekali gus mengancam sekuriti bekalan beras negara. Sejak tahun 2000, perubahan cuaca semakin ketara dan berlaku dengan lebih ekstrem, sekali gus menjejaskan hasil dan kualiti padi yang dikeluarkan.

Apabila cuaca panas, suhunya terlalu tinggi dan ini tidak sesuai untuk padi yang sentiasa memerlukan air, manakala kadar hujan yang lebat dan ekstrem pula menyebabkan banjir di sawah dan turut mengganggu tumbesaran padi sehingga ada tanaman padi mati. Perubahan cuaca yang berlaku turut menyebabkan kemunculan penyakit atau perosak baharu yang mempunyai daya tahan sangat tinggi yang sebelum ini tidak pernah ditemukan.

Kesan perubahan iklim terhadap tanaman padi semakin ketara apabila dalam tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021, sebanyak 40,828.28 hektar tanaman padi di Semenanjung Malaysia musnah akibat banjir, manakala 9,336.45 hektar pula terjejas oleh kemarau. Manakala laporan Malaysia's 3rd National Commmunication and 2nd Biennial Update Reports (TNC and BUR2), secara keseluruhannya kira-kira 18 peratus daripada 350,000 hektar kawasan tanaman padi terdedah kepada kekerapan berlakunya musim kering yang berpanjangan, melibatkan kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Akibatnya, perbandingan dengan 113 negara dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) 2020, telah menurunkan kedudukan Malaysia daripada tangga ke-28 pada 2019 kepada tangga ke-43 pada 2020.

Untuk rekod, anggaran nilai kerosakan bagi penanaman padi berdasarkan data permohonan Tabung Bencana bagi tempoh 2017 hingga 2021 menunjukkan nilai kerosakan akibat banjir ialah sebanyak RM128.8 juta dan akibat kemarau RM21.6 juta.

Menyedari impak perubahan iklim kepada sekuriti makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merangka inisiatif untuk mentransformasikan industri padi dan beras secara menyeluruh melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah. Antaranya memperkenalkan spesies tanaman baharu yang lebih berdaya tahan dan tempoh penuaian yang singkat agar dapat meningkatkan pengeluaran hasil walaupun dalam keadaan cuaca semasa.

** Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

# Krisis makanan: Sudahkah kita bersedia?

**SUDAH** lama pakar-pakar dalam bidang pertanian memberikan amaran kepada kerajaan berhubung keselamatan makanan di negara ini yang berada pada paras yang membimbangkan.

Malah kerajaan melalui kementerian yang dipertanggungjawabkan tentang bidang pertanian di negara ini juga sering menyentuh tentang perkara tersebut.

Namun, timbul persoalan tentang usaha dan strategi untuk memastikan kita mampu mengeluarkan makanan ketika berdepan dengan pelbagai cabaran ekonomi.

Sebagai contoh, India melarang eksport gandum akibat fenomena gelombang haba memburukkan lagi krisis makanan semasa yang dihadapi seluruh dunia.

Malaysia tidak mengimport gandum dari India, sebaliknya 80 peratus bijirin itu diimport dari Australia selain Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine.

Namun, tindakan India itu sudah pasti mengakibatkan negara pengeluar gandum yang lain akan menaikkan harga bijirin tersebut.

Baru-baru ini, timbul dakwaan peruncit di negara ini sukar untuk mendapatkan bekalan tepung gandum daripada pemborong malah ada pemborong mengenakan harga yang tinggi.

Apabila berlaku isu berkaitan bekalan makanan, biasanya kita akan mendengar KPDNHEP membuat pemantauan bagi mengenal pasti punca kekurangan bekalan itu, termasuk kemungkinan disorokkan pemborong.

Dalam pada itu, kita mahu agar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mampu untuk mengatasi masalah tersebut.

MAFI sebelum ini ada melakukan pelbagai tindakan memastikan bekalan makanan di negara ini sentiasa stabil, cuma dalam menghadapi krisis makanan ini, kementerian itu mungkin perlu lebih proaktif mencari formula lain dalam penghasilan hasil pertanian untuk domestik.

Contohnya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh mencari varieti gandum yang sesuai ditanam di Malaysia bagi menghadapi masalah bekalan bijirin tersebut.

Dalam masa sama, kerajaan juga perlu melihat semula banyak tanah pertanian yang dimusnahkan untuk memberi laluan kepada pembangunan dan industri.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | HARAKAH | PERIKATAN NASIONAL | 14 |

# Sarawak sasar eksport makanan menjelang 2030

**KUCHING:** Kerajaan Sarawak menyasar sebagai negeri pengeluar makanan dan tidak hanya bergantung import produk dari luar menjelang 2030.

Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Dato' Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, kementeriannya akan memperkasakan sektor pertanian menerusi pertanian secara moden bagi meningkatkan produktiviti.

"Kita perlu mengubah minda dan harus berani mentransformasikan pertanian kepada pertanian perniagaan," katanya pada program Mantar Aco Lepa Ajau Birami Gawai 2022



Dr Stephen Rundi Utom

> "Kita perlu mengubah minda dan harus berani mentransformasikan pertanian kepada pertanian perniagaan."

anjuran RTM Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak pada Khamis.

Oleh itu kata beliau melalui usaha tersebut Sarawak menyasarkan menjadi antara pengeksport produk makanan bersih menjelang tahun 2030.

Dr Stephen juga berkata, kerajaan Sarawak sentiasa membantu usahawan sektor pertanian, peladangan dan penternakan bagi mengembangkan potensi menggunakan teknologi baharu sebagai transformasi.

Katanya, pelbagai bantuan termasuk modal permulaan turut disediakan bagi memastikan mereka mampu bersaing di pasaran komersial. *–EDISI UKAS*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 42 |

# Penyu 'mendarat' Pantai Tanjung Gemuk

PANTAI Tanjung Gemuk, Port Dickson merupakan antara pantai yang sering menjadi lokasi ditemukan telur-telur penyu.

Terbaharu, sebanyak 137 biji telur penyu ditemukan di pantai tersebut, kelmarin oleh pengutip telur penyu berdaftar, Hishamudin Abdul Manap.

Menurutnya, kesemua telur penyu tersebut dihantarnya ke Pusat Penetasan Penyu di Glory Beach Resort, Port Dickson dan dijangka mengambil masa dalam tempoh 50 hingga 60 hari untuk menetas.

Katanya, Mei hingga November merupakan tempoh penyu jenis agar dan karah untuk mendarat dan bertelur di sekitar pantai di Port Dickson.



■ HISHAMUDIN Abdul Manap mengutip telur penyu yang ditemukan di Pantai Tanjung Gemuk, Port Dickson, Negeri Sembilan. - UTUSAN/ SHAHJEHAN MAAMIN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/5/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Tepung habis di Melaka

**MELAKA:** Pengusaha kedai runcit di negeri ini mula berhadapan dengan kesukaran mendapatkan bekalan tepung terutama jenama cap Kunci yang didakwa tidak lagi diedarkan di segelintir kawasan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, peniaga, Lim Chee Keong, 45, berkata, dia kini hanya menjual jenama cap Sauh, susulan sukar mendapatkan bekalan lain.

Katanya, bagaimanapun harga borong bagi tepung tersebut semakin meningkat dengan terbaharu kenaikan adalah sebanyak RM7 atau RM30 sekotak, berbanding tahun lalu.

"Sekarang saya cuma ada bekalan untuk tepung cap Sauh dan Ros, jenama lain susah nak dapat.

"Cap Sauh pula makin mahal, sekarang harga daripada pemborong RM30 sekotak mengandungi 10 peket tepung, tahun lalu hanya RM23 sekotak," katanya.

Tambahnya, kenaikan itu berlaku sebanyak dua kali sepanjang Februari sehingga April lalu.

"Saya terpaksa jual pada harga RM3.40 sepeket (satu kilogram), harga naik 70 sen berbanding tahun lalu tetapi itupun saya hanya ambil untung 40 sen," jelasnya.



HAMDAH Maon menyusun bekalan tepung gandung di kedai runcitnya di Durian Daun, Melaka. - UTUSAN/DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

Sementara itu, Hamdah Maon, 63, turut meluahkan perkara sama dan mendakwa pemborong tidak lagi mengedarkan jenama cap Kunci di kawasannya di Durian Daun, Alor Gajah.

"Dulu orang suka beli cap Kunci sebab murah, kita jual RM1.50 sepeket dengan harga borong RM13.50 sekotak.

"Tapi bekalan cap Kunci memang sudah tak ada, cap Sauh sahaja yang banyak tetapi harganya mahal RM26 sekotak," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/5/2022 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Bekalan gandum dipantau rapi supaya kekal stabil di pasaran

# KPDNHEP beri jaminan tepung cukup

Oleh EDDY HAMIDI



KENAIKAN tepung gandum didakwa hanya melibatkan jenis yang tidak bersubsidi sahaja. – AFP




KERATAN muka depan *Kosmo!* semalam.

**PUTRAJAYA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan bahawa bekalan tepung gandum dalam negara adalah mencukupi dan kekurangan bahan itu di pasaran hanya melibatkan jenis yang tidak bersubsidi.

Ketua Unit Komunikasi Korporat KPDNHEP, Yunus Tasim berkata, bekalan tepung gandum adalah mencukupi sepanjang tahun 2022 dan belum ada sebarang laporan diterima berhubung insiden keputusan bekalan melibatkan bahan tersebut.

"Bekalan tepung gandum di pasaran adalah stabil ketika ini dan berdasarkan pemantauan oleh 2,200 Penguat Kuasa KPDNHEP di seluruh negara, belum ada laporan diterima yang mengatakan bekalan tepung gandum berkurangan di pasaran.

"Juga belum ada laporan berkenaan kenaikan harga tepung gandum kegunaan am bersubsidi yang mendadak kerana tepung gandum yang dijual melebihi harga kawalan RM1.35 sekilogram (kg) adalah tepung gandum yang tidak bersubsidi," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam *Kosmo! Ahad* semalam melaporkan peruncit dan peniaga kini mula resah apabila pihak pemborong mendakwa bekalan tepung gandum hanya mampu bertahan setakat Julai ini berikutan kekurangan bahan utama untuk diproses di peringkat pengilang.

Jelas Yunus, kenaikan harga tepung gandum seperti yang didakwa oleh sesetengah peniaga adalah melibatkan tepung gandum yang tidak bersubsidi di mana harga jualan runcitnya tidak dikawal oleh kerajaan.

"Pengguna boleh mengenali dan membezakan tepung gandum kegunaan am bersubsidi berdasarkan Logo Barang Bersubsidi yang terdapat pada pembungkusan.

"Kerajaan tidak menetapkan atau mengawal harga tepung gandum tidak bersubsidi sebaliknya penetapan harga tepung gandum tidak bersubsidi dibuat oleh pengilang berdasarkan harga komoditi itu di pasaran global," ujar beliau.

Tambah Yunus, Penguat Kuasa KPDNHEP sentiasa memantau bekalan barangan keperluan di pasaran dan tepung gandum adalah salah satu barangan keperluan yang dipantau rapi bagi memastikan bekalannya sentiasa stabil dan mencukupi.

Beliau memaklumkan, kekurangan bekalan di sesuatu premis selalunya disebabkan tingginya permintaan di lokaliti tersebut dan lambatnya sampai bekalan dari stor pusat ke premis berkenaan.

"Pihak KPDNHEP akan membuat siasatan jika melalui pemantauan kami ada peniaga yang mengambil keuntungan di luar batas munasabah atau mencatut atau ada elemen penyorokan.

"Kami juga mengalu-alukan orang ramai membuat aduan yang lengkap dan terus kepada kami melalui aplikasi WhatsApp di **019-279 4317** atau **019-848 8000**.

"Ketika buat aduan ambil foto tanda harga, foto premis kedai dan alamatnya, sertakan dalam laporan tersebut," jelasnya.

# Peniaga mula mencatu elak bekalan putus di kedai

Oleh NUR HUDA MUSA, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF, ROHANA MOHD.NAWI, dan DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA



CHEE KEONG menyusun tepung gandum di premisnya di Peringgit, Melaka semalam.



MOHD. HILMI menunjukkan sebahagian tepung gandum yang dijual di kedai runcitnya di Kuala Terengganu semalam.

**PETALING JAYA** – Peniaga-peniaga kedai runcit didakwa mula catu pembelian tepung gandum bagi elak pembelian panik atau bekalan terputus stok di pasaran di beberapa negeri.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa negeri mendapati langkah mencatu itu bagi mengelakkan gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan itu.

Di **Kuala Terengganu**, seorang peniaga, Mohd. Hilmi Aiman, 34, berkata, langkah mencatu terpaksa diambil bagi mengelak kerugian.

Dia berkata, gangguan bekalan itu dipercayai berpunca daripada sekatan kerajaan India untuk mengeksport tepung gandum sekali gus memberi kesan termasuk terhadap pengguna tempatan.

"Sebelum musim perayaan lagi bekalan sudah terganggu selain kenaikan harga setiap bulan. Waktu ini saya ambil dari pembekal pada harga RM2.80 sekilogram berbanding RM2.28 sebelum ini," jelasnya.

Di **Melaka**, seorang peniaga, Lim Chee Keong, 45, berkata, dia kini hanya menjual tepung tertentu saja, susulan sukar mendapatkan bekalan bagi jenama lain.

Katanya, bagaimanapun harga borong bagi tepung tersebut semakin naik dengan terbaharu kenaikan adalah sebanyak RM7 atau RM30 sekotak, berbanding tahun lalu.

"Sekarang saya cuma ada bekalan untuk tepung cap Sauh dan Ros, cap lain susah nak dapat," ujarnya.

Di **Kelantan** pula, seorang pemborong Mohd. Zin Mat, 60, berkata, boleh dikatakan hampir semua kedai di sini, tiada bekalan tepung gandum subsidi kerajaan.

"Kita jual tepung gandum pelbagai jenama dengan harga antara RM2.80 hingga RM3.40 sekilogram.

"Saya tidak mengehadkan pembelian tepung gandum kerana stok banyak tapi mahal. Itupun terpulang kepada pengguna untuk membelinya," jelasnya.

Sekitar **Kuala Lumpur**, keadaan sama turut berlaku apabila kebanyakan kedai mulai habis stok bekalan tepung gandum.

Seorang pengurus pasar borong di Bandar Sunway di sini, Nur Shafiqah Ibrahim berkata, bekalan tepung gandum agak sukar untuk dibeli daripada pembekal malah kebanyakan pembekal tidak lagi mempunyai stok tepung gandum.

"Biasanya pembekal sentiasa ada stok tepung gandum, tetapi kebelakangan ini memang sukar untuk kami dapatkan stok bahan mentah tersebut.

Nur Shafiqah berkata, pembekal juga tidak dapat memberikan kepastian bilakah bekalan bahan mentah itu akan pulih seperti sediakala.